

Penjawat Utama UUM Perlu Jayakan Transformasi
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 22 Ogos 2011 20:25

Kepada: UUM All Students; UUM - All Staff

22 OGOS 2011/22 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PENJAWAT UTAMA UUM PERLU JAYAKAN TRASFORMASI

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, proses transformasi yang sedang diusahakan pada ketika ini akan berjaya dicapai, dengan lebih cepat jika penjawat penjawat UUM melakukan perubahan sehingga 80 peratus.

Katanya, jika setiap Pusat Tanggungjawab melakukan perubahan sehingga 80 peratus, ini membolehkan university juga berubah 80 peratus.

"Kalau ini berlaku, transformasi yang sedang kita jalankan ini dapat dicapai dalam tempoh yang singkat daripada yang dirancang.

"Bagaimanapun, sesuatu transformasi ini memerlukan komitmen dan prestasi yang tinggi serta keterujaan dalam melakukan setiap tugas yang diberikan," katanya sewaktu berucap merasmikan Kursus Khas Penjawat-Penjawat Utama, anjuran Jabatan Pendaftar, di EDC UUM, pagi tadi.

Beliau juga berkata, penganjuran kursus ini adalah usaha mencari ilmu dan menambah pengetahuan serta berkongsi maklumat antara penjawat-penjawat utama.

"Kursus penjawat ini dibuat bagi membolehkan mereka belajar membuat keputusan kerana mereka adalah pegawai kanan universiti," katanya.

Selain itu, beliau juga mahu ahli akademik belajar ilmu pentadbiran kerana mereka kurang terdedah dengan urusan pentadbiran.

"Ahli akademik diakui arif dalam bidang penyelidikan dan pendidikan, namun untuk mentadbir memerlukan kemahiran yang berbeza. Oleh itu, proses pembelajaran ini mesti berterusan. Pembelajaran ini penting untuk melakukan transformasi dalam universiti ini," tambahnya.